

Kejayaan tentang Malayan Union melambangkan kebangsaan keazaman

KUALA LUMPUR, Rabu — Kejayaan orang-orang Melayu menentang pembentukan Malayan Union dalam tahun 1946 melambangkan betapa kuatnya azam dan semangat perpaduan masyarakat ketika itu untuk melepaskan diri dari belenggu penjajah.

"Peristiwa itu masih kekal dalam ingatan. Apabila mengenangnya terasa bagai sebuah mimpi yang sukar dilupakan," kata Haji Ali Taha, 75 tahun salah seorang dari 420 pejuang veteran yang diundang khas menyertai Peringatan dan Perarakan Raksa Hari Kebangsaan tahun ini.

Haji Ali, ialah salah seorang pelopor Umno Cawangan Guar Cempedak. Kedah yang mengetuai barisan para pejuang menentang penubuhan Malayan Union dalam bulan Mei 1946.

"Pakcik bersama orang-orang kampung berjalan sehari suntuk sejauh kira-kira 20 km dari Guar Cempedak ke Alor Star untuk menemui pegawai Ingeris di sana."

Setiba di Alor Star, kata Haji Ali, dia telah menyerahkan surat bantahan kepada pegawai Ingeris itu sambil di-perhatikan oleh Tunku Abdul Rahman yang ketika itu menjadi Pegawai Daerah Alor Star.

"Pakcik langsung tidak menghiraukan keselamatan diri dan keluarganya. Pakcik semakin berkobar-kobar."

Selepas peristiwa itu, Haji Ali terus dilantik sebagai Pengerusi Umno Cawangan Guar Cempedak dan berjaya mengumpul 300 orang ahli. Jawatan itu dipergunakannya selama 20 tahun.

"Pakcik dah tua dan niat untuk melihat negara ini mencapai kemerdekaan sudah tercapai. Lihat sajalah dengan kemarahan pesat yang dikemukakan oleh generasi sekarang. Hgdup mereka lebih sempurna jika dibandingkan dengan zaman Pakcik dulu," kata Haji Ali yang kini bertugas sebagai imam tetap di kampungnya.

Basar hati

Mengenal sambutan Hari Kebangsaan Ke-26 kali ini, Haji Ali bersemangat kerana diperjuangkannya Haji Jaafar Idris, juga 75 tahun, amat berbesar hati dapat bersama-sama menyertai perarakan tahun ini.

Seorang lagi pejuang yang turut sama dalam perarakan menentang Malayan Union ialah Encik Ibrahim Abdul Aziz dari Pulau Pinang.

Menceritakan pengalamannya ketika itu yang berusia 22 tahun dan masih bujang, katanya, "kami berarak seketiklah pekan Georgetown sambil menjeri-jeri 'Hidup Melayu' tanpa menghiraukan pengawal-pengawal keselamatan yang menjalankan tugas ketika itu."

"Pakcik orang muda, apabila bersemangatlah menjerit-jerit perkataan 'Hidup Melayu'. Bagai manapun perarakan itu berjalan dalam suasana aman dan kami beratur pada sebelah pertengahan."

Melihatkan perkembangan pesat dalam negara sekarang, Encik Ibrahim melahirkan rasa syukur dengan segala kemudahan yang ada.

"Walaupun Pakcik tidak dapat menikmati waktu muda dulu, tetapi dua orang anak Pakcik dididik dengan sempurna. Kedua-dua anak Pakcik kini sudah bekerja, seorang lepasan ITM dan yang bongsunya baru menamatkan pengajian di UTM," ujarnya bangga.



ENCIK NORDIN OMAR

badan tidak menghalang pakcik untuk menyertai perarakan ini, malah menjadi kenangan manis yang tidak pernah dilupakan," kata ayah kepada tiga orang anak.

Pengasas Umno Kampung Panchor, Muar ini melahirkan rasa gembiranya kerana jasa-jasanya dikenang oleh Jawatankuasa Sambutan Hari Kebangsaan dengan mengundang beliau menyertai perarakan raksa tahun ini.

Mengenang kembali saat-saat menentang Malayan Union dahulu, beliau menceritakan di masa itu pejuang-pejuang Melayu terasa terhinu lalu bersatu hati menuntut kembali hak-hak dan kedaulatan raja-raja Melayu yang dicabul oleh penjajah.

"Kami tidak tertahan dengan sikap penjajah masa itu yang cuba mengambil-alih hak raja-raja dan orang-orang Melayu dan memberi kewarganegaraan kepada bangsa asing seawenang-wenangnya," tambahny penuh bersemangat.

Katany lagi, semua pententag Malayan Union masa itu menjalakan kempen dan propaganda mengenai cadangan penjajah itu kepada orang Melayu supaya bangkit untuk turut serta dan akhirnya mereka berjaya.

"Kini," ujarnya, "segala-galanya sudah tercapai dan generasi muda merasai nikmatnya me-



HAJI ALI TAHA,

lalu pebagah kemajuan yang telah disediakan oleh kerajaan. Terpujilah kepada mereka menggunakan peluang yang dihasilkan oleh pejuang-pejuang dahulu dalam mempertahankan maruah bangsa dan agamanya."

Bellau mengesakan bahawa sekiranya bukan Umno yang memerintah negara, tidak mungkin pembangunan pesat akan tercapai dan nasib bangsa Melayu terbelia.

Atas jasa-jasa beliau di bidang sukarala, beliau telah dianugerahkan pingat Pengakuan Negara (PPN) dari Yang Di Pertuan Agong sembilan tahun lalu dan pingat Ibrahim Sultan (PIS) tahun 1975.

Tuan Haji Mohamad adalah pengulu kampung itu dan pernah menjadi Ketua Pemuda Bahagian Umno dari 1968 hingga 1978, Lembaga Pengarah Peladang di Griksek (1969 - 1972) dan Pensisah Peratuan Belia di tempatnya hingga sekarang.

Bellau menyeru generasi muda supaya jangan melupakan jasa orang-orang yang telah berjanja kepada negara sebaliknya digesa mengikut jejak langkah mereka yang telah mempertahankan negara.

Bagi Encik Nordin Omar, 69 tahun dari Sungai Tua Baru, Selangor perjuangannya terhadap bangsa Melayu belum berakhir.

"Walaupun robah kota-



HJ. MOHAMAD MARWAN



HJ. JAAFAR IDRIS,



ENCIK IBRAHIM AZIZ

kota Umno di seluruh Malaysia ini, saya tetap mempertahankannya sebagai menegakkan kedaulatan bangsa dan agama," tegasnya.

Katanya, pernah suatu ketika seorang insan dari parti pembangkang memujuk beliau memasuki parlinya dengan pelbagai janji tetapi sedikitpun tidak mengugut kesetiannya kepada Umno.

Menceritakan nasib neneknya, beliau berkata kepada anak-anak, "kami begitu sedih dan menangi ketika Tunku mengemukakan perpisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1963 lalu."

Bapa kepada 10 orang anak ini berasal dari Sumatera mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Hari Kebangsaan kerana telah mengenang jasa-jasa pejuang pembantah Malayan Union itu.



SEBAHAGIAN dari 400 pejuang anti Malayan Union melawat bahagian 'paste-up' di Jabatan Pengeluran Berita Harian di Kuala Lumpur semalam. Mereka diberi penerangan mengenai cara-cara berita, rencana dan gambar dihias dalam setiap halaman akhbar dari kakitangan bahagian itu.

Seluruh itu, rombongan itu juga berpeluang berkenalan dengan kakitangan Jabatan Pengeluran untuk meninjau dari dekat kerja-kerja sebagai wartawan dan penyunting akhbar.

Selain dijamu dengan minuman teh dan kuih muih, para pejuang juga berpuashati dengan layanan semua kakitangan di Berita Harian. Senggangnya menyatakan hasrat untuk mengunjungi pejabat akhbar itu sekali lagi.

Kunjungan mereka adalah sempena perayaan Hari Kebangsaan Ke-26, semalam. Mereka juga turut berhimpun dan berarak di Padang Kelab Selangor - Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia